

Mahathir minta percepatkan projek Bandar Kota Putra

OM - 9 JUL 2003

KUALA NERANG 8 Julai — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad meminta supaya projek Bandar Kota Putra di Durian Burung di sini yang akan menjadi pintu masuk kedua dari Thailand ke negeri ini diperecepatkan bagi membangunkan kawasan pedalaman Kedah.

Kata beliau, projek pembangunan di situ termasuk pusat pemeriksaan kastam dan imigresen tidak perlu dibina indah dan besar seperti mana rancangan awal, sebaliknya memadai dibuat sederhana dulu.

"Sekiranya bandar dan kemudahan kerajaan di sini dibina secara sederhana, perbelanjaan nun dapat dikurangkan." kata Dr. Mahathir.

Bagaimanapun menurut beliau, setelah kawasan pembangunan Kota Putra itu sudah maju kelak, bolehlah dilaksanakan bangunan-bangunan yang kekal.

Perdana Menteri menyatakan demikian kepada pemberita selepas mendengar taklimat mengenai projek pembangunan tersebut di Kern Sahara. Durian Burung, di sini, hari ini.

Projek tersebut dimajukan oleh Northern Integrated Agriculture (NIA) Sdn. Bhd. iaitu syarikat usaha sama antara Perbadanan Kemajuan Negeri Kedah (PKNK) dengan anak syarikat Kumpulan AlBukhary.

Taklimat disampaikan oleh Pengurus Be-

sar Yayasan AlBukhary, Ismail Lal Khan sementara taklimat mengenai jalan oleh Pengarah Urusan Bina Darulaman (BDB), Dr. Ku Abdul Rahman Ku Ismail.

Turut memberikan taklimat ialah Pengarah Jabatan Hutan, Che Hashim Hassan.

Dr. Mahathir yang diiringi oleh Menteri Besar, Datuk Seri Syed Razak Syed Zain meninjau dari udara dengan helikopter kawasan hutan simpan Chebar Besar di Padang Terap.

Menurut Perdana Menteri, projek Kota Perdana termasuk kemudahan jalan perlu diperecepatkan memandangkan kerajaan Thailand sudahpun telah membina jalan raya di seberang sempadan yang menghubungkan bandar Songkhla di selatan negara berkenaan.

Kata Dr. Mahathir, kawasan Durian Burung itu dibangunkan untuk menyeimbangkan pembangunan ekonomi antara kawasan pedalaman negeri Kedah dengan kawasan barat negeri ini.

"Kita harap ekonomi di kawasan ini akan tumbuh dengan pesat apabila lebuh raya yang dibina dari Durian Burung ke Kupang di Daerah Baling boleh menghubungkan orang ramai ke Kelantan di sebelah timur dan Pulau Pinang di selatan," kata Perdana Menteri.

Beliau yakin apabila pintu sempadan

yang baru ini dibuka kelak, kawasan-kawasan pedalaman negeri Kedah akan turut membangun.

Bagi memajukan dan meramaikan penduduk kawasan Kota Putra, kerajaan akan mewujudkan industri tertentu termasuk pertanian secara bersepadu yang akan ditanam dengan aneka jenis buah-buahan, kata Dr. Mahathir lagi.

Katanya, memandangkan terdapat Kilang Gula Padang Terap di kawasan berhampiran, kerajaan mencadangkan agar diwujudkan industri hiliran berasaskan gula seperti mengetin buah-buahan.

Sementara itu, kata Dr. Mahathir, kawasan hutan di daerah Padang Terap ini juga kaya dengan tumbuhan buluh dan sehubungan itu industri berkaitan buluh seperti kraftangan dan copstik akan dijalankan.

"Kita barangkali boleh mengadakan kerjasama dengan pelabur Jepun untuk mewujudkan industri berkaitan buluh ini," ujarnya lagi.

Menurut Dr. Mahathir, kerajaan berharap akan turut mengadakan industri kecil bagi setiap kampung untuk membuat barangan-barangan berasaskan buluh bagi menamhahkan pendapatan rakyat.